

09 APRIL 2018

## Tak sempat larikan diri

ISNIN 9 APRIL 2018 • SINAR HARIAN

### Tak sempat larikan diri

BENTONG - Seorang lelaki bertindak melarikan diri dalam sekatan jalan raya di Telomong di sini.

Bagaimanapun, dalam kejadian Khamis lalu, usaha lelaki berkenaan tidak kesampaian apabila dia berjaya ditahan sebelum polis memenuhi bekalan dadah disyaki heroin dan syabu padanya.

Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendant Yusuf Unis berkata, dengan penangkapan tersebut, polis mematahkan sindiket pengedaran dadah di daerah Bentong apabila dadah seberat 558.10 gram dirampas.

Menurutnya, lelaki berusia 20 tahun itu yang dalam keadaan mencurigakan menaiki sebuah motosikal cuba membuat pusingan U apabila terlihat sekatan jalan raya, bagaimanapun anggota polis yang bertugas ketika itu nampak dan terus mengejarnya.

"Kita berjaya tahan suspek dan pihak polis melakukan pemeriksaan ke atas bahan suspek serta motosikal yang digunakaninya.

"Hasil pemeriksaan pada tubuh suspek, terdapat beg yang disandang pada bahu yang disandang pada bahu yang kita menjumpai satu bungkus plastik mengandungi ketulan berwarna merah



Yusuf (tengah) bersama pegawai polis pada sidang media semalam, menunjukkan heroin bermilai RM9,000 yang dirampas.

disyaki dadah jenis heroin seberat 453.20 gram," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub, di sini, semalam.

Yusuf berkata, turut ditemui lapan paket plastik berisi serbuk dan ketulan kristal disyaki dadah syabu dengan berat 104.90 gram.

Menurutnya, keseluruhan rampasan itu dianggarkan bermilai RM9,000.

"Polis turut menyita sebuah motosikal jenis Yamaha yang digunakan suspek yang

**Polis turut menyita sebuah motosikal Yamaha digunakan suspek yang berasal dari Felda Chemomoi."**

- Yusuf

berasal daripada Felda Chemomoi," katanya.

Beliau berkata, dadah dirampas itu dipercayai untuk pasaran di Felda Chemomoi, Felda Kemasul, Felda Kemahal serta kawasan terdekat.

"Hasil ujian air kencing ke

atas suspek mendapati suspek positif dadah methamphetamine. Suspek juga ada rekod jenayah lampau di mana semua berkaitan dadah. Dia kini disiasat di bawah Seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.